



JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

Tingkat 9 & 10, Bangunan Baitul Makmur II,
Medan Raya, Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak, Malaysia.



082 – 495959



082 – 495800 / 495804



treasury.sarawak.gov.my

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK NO. PP: 03/2025

Perkara: Mod Terimaan Di Kaunter *Receipting System* Seluruh Sarawak

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan penggunaan mod e-Terimaan iaitu e-dompot dan kad debit/kredit sebagai mod terimaan tambahan di kaunter *Receipting System* (RS) di seluruh Sarawak.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada masa kini, mod terimaan yang boleh digunakan untuk menerima kutipan di kaunter RS adalah mod terimaan secara tunai, cek, kiriman wang, wang pos, pindahan secara elektronik dan slip masuk bank.
- 2.2. Demi mendokong aspirasi Kerajaan Negeri Sarawak ke arah pendigitalan, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah membuat penambahbaikan sistem bagi membolehkan kaedah tambahan mod e-Terimaan untuk kaunter RS.
- 2.3. Pelaksanaan mod e-Terimaan adalah selaras dengan peraturan dan garis panduan pelaksanaan terimaan secara elektronik (e-Terimaan) yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 1/2024: Pelaksanaan E-Terimaan Dalam Perkhidmatan Awam Sarawak.

- 2.4. Setiap PTJ pemungut yang menyelenggara kaunter RS bagi kutipan Kerajaan Negeri Sarawak telah dibekalkan dengan Terminal Kad Pembayaran (*Point-Of-Sales*) dan pengimbas kod bar untuk menyokong mod e-Terimaan yang baharu ini.

3. PELAKSANAAN MOD e-TERIMAAN

- 3.1. Mod e-Terimaan yang baharu diperkenalkan terbahagi kepada dua iaitu:
- (i) e-dompet
 - (ii) Kad debit/kredit
- 3.2. Terimaan melalui e-dompet hanya menggunakan aplikasi *S Pay Global* sahaja dan ianya boleh dibuat melalui dua kaedah pembayaran iaitu:
- (i) Operator RS mengimbas kod bar pada aplikasi *S Pay Global* pembayar. Sila rujuk proses kerja pada **Lampiran A**.
 - (ii) Pembayar mengimbas kod QR yang dijana melalui sistem SAS menggunakan aplikasi *S Pay Global*. Sila rujuk proses kerja pada **Lampiran B**.
- 3.3. Mod e-Terimaan melalui kad debit/kredit menggunakan Terminal Kad Pembayaran (*Point-Of-Sales*) yang dibekalkan oleh bank akaun terimaan Kerajaan Negeri Sarawak di mana pembayar boleh menggunakan kaedah memasukkan nombor pin atau pembayaran tanpa sentuh (*payWave*). Sila rujuk **Lampiran C** untuk proses kerja mod e-Terimaan melalui kad debit/kredit.
- 3.4. Penggunaan mod e-Terimaan melalui kad debit/kredit memerlukan proses *settlement* dan hendaklah dilakukan sebelum penutupan harian iaitu melalui Terminal Kad Pembayaran (*Point-Of-Sales*). Slip *settlement* yang dijana melalui Terminal Kad Pembayaran (*Point-Of-Sales*) mengandungi ringkasan kutipan untuk semakan penyelia semasa membuat penutupan harian.
- 3.5. Semasa penutupan harian dilakukan melalui *S Pay Global* dan kad debit/kredit, PTJ perlu menjana dan menyemak laporan tambahan seperti berikut:
- (i) *SNT Settlement Report (S Pay Global)*
 - (ii) *Bank Settlement Report*

- 3.6. *SNT Settlement Report (S Pay Global)* dan *Bank Settlement Report* hendaklah dikemukakan sebagai dokumen sokongan tambahan pada retan bulanan yang dihantar kepada Pejabat Perbendaharaan Bahagian.
- 3.7. Semua pejabat PTJ yang membuat kutipan hasil dan mengeluarkan Bil Kerajaan T.304 adalah **DIWAJIBKAN** untuk menggunakan *Billing System* bagi pengeluaran bil pejabat masing-masing seperti yang telah dinyatakan pada Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Sarawak No. 1/2019 berkenaan Pelaksanaan *Billing System* dan Bil T.304 (dipinda). Ini bagi memastikan kutipan Kerajaan Negeri Sarawak dapat diproses dengan efektif.

4. **TARIKH KUATKUASA**

Penggunaan mod e-Terimaan melalui e-Dompet dan Kad Debit/Kredit di kaunter *Receipting System (RS)* di seluruh Sarawak adalah berkuatkuasa mulai **3 November 2025**.

5. **PERTANYAAN**

Bagi sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan pegawai di Seksyen Operasi Perbendaharaan di talian 082-495959.

Perhatian dan kerjasama semua pihak adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Tepat Ramah Yakin"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

'AN HONOUR TO SERVE'




(DATU HAJAH ELEAN BINTI MASA'AT C.A.(M))
AKAUNTAN NEGERI SARAWAK

Ruj. : TRY:301004(Vol.7)/(28)

Tarikh : 03 November 2025


Agihan Kepada : Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak
: Peguam Besar Negeri, Sarawak
: Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
: Setiausaha Tetap, Semua Kementerian
: Residen, Semua Bahagian
: Ketua-Ketua Jabatan
: Akauntan Perbendaharaan, Semua Bahagian

Salinan Kepada : Pengarah Audit Negeri, Sarawak

PROSES KERJA KUTIPAN DI KAUNTER TERIMAAN MELALUI S PAY GLOBAL**KAEDAH 1: OPERATOR RS MENGIMBAS KOD BAR PADA APLIKASI S PAY GLOBAL PEMBAYAR**

PROSES KERJA KUTIPAN DI KAUNTER TERIMAAN MELALUI S PAY GLOBAL

KAEDAH 2: PEMBAYAR MENGIMBAS KOD QR YANG DIJANA MELALUI SISTEM SAS



PROSES KERJA KUTIPAN DI KAUNTER TERIMAAN MELALUI KAD DEBIT/KREDIT

